

Pengalaman Cubaan Bunuh Diri dalam Kalangan Banduan di Penjara Malaysia: Satu Tinjauan Awal

*Experience of Suicide Attempts among Prisoners in Malaysian Prisons:
A Preliminary Study*

LOKMANUL HAKIM HAMID, NASRUDIN SUBHI* & FITRIAH M.SUUD

Received: 26-6-2025 / Accepted: 4-10-2025

ABSTRAK

Isu bunuh diri semakin banyak diperkatakan akhir-akhir ini dan peningkatan kes tidak terkecuali di penjara. Walaupun pada dasarnya penjara dianggap sebagai sebuah institusi yang terkawal dan dijaga rapi namun kejadian kes cubaan bunuh diri yang berlaku membawa kepada persoalan bagaimana perkara ini boleh terjadi. Sehubungan itu, kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka pengalaman cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan di penjara Malaysia melalui pendekatan fenomenologi deskriptif. Artikel ini bersandarkan kepada sebuah kajian rintis yang melibatkan seorang peserta kajian. Analisis tematik kemudiannya digunakan untuk menganalisis data temu bual mendalam. Dapatan awal kajian ini membawa kepada penemuan tema utama iaitu, (1) kesukaran hidup menjadi punca tekanan (2) tingkah laku mencederakan diri sebagai ekspresi emosi (3) sokongan keluarga dalam membuat perubahan diri (4) pengalaman banduan terhadap keberkesanan perkhidmatan sokongan di penjara dan (5) perasaan dendam mengakibatkan ketidakstabilan emosi. Berdasarkan kajian awal ini dapat dirumuskan bahawa tekanan emosi yang tinggi, pengasingan sosial, dan kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikologi mempunyai hubungan dan kaitan berlaku tindakan cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan di penjara. Kajian ini juga akan menjadi asas dan panduan yang penting kepada pengkaji untuk menjalankan kajian lanjut yang lebih mendalam terhadap peserta kajian selanjutnya dengan lebih teliti. Kesimpulannya, kajian ini menyerlahkan perlunya perhatian yang lebih besar terhadap kesejahteraan mental banduan sebagai satu sistem sokongan yang berkesan bagi mencegah kejadian cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan di penjara, serta dapat mencadangkan model intervensi yang bersesuaian dalam menangani kejadian cubaan bunuh diri dalam kalangan populasi ini di penjara. Justeru kajian lanjutan wajar mempertimbangkan triangulasi data dengan pihak institusi untuk penilaian yang lebih menyeluruh.

Kata Kunci: cubaan bunuh diri; banduan; fenomenologi deskriptif; intervensi pencegahan; kajian rintis

ABSTRACT

Suicide has been a topic of increased discussion recently, and the surge in occurrences in prison is no exception. Despite the fact that the prison is considered a controlled and well-guarded institution, the rise in suicide attempts raises the question of how this occurs. In this context, this qualitative study aims to explore the experience of suicide attempts among individuals who are incarcerated in Malaysian prisons through a descriptive phenomenological approach. This article is based on a pilot study involving one study participant. Thematic analysis was used to analyse the data from the semi-structured interview. The study's preliminary findings revealed five major themes: (1) stress caused by life challenges; (2) self-harming behaviour as an expression of emotions; (3) family support in making personal changes; (4) experience of prisoners on the effectiveness of support services in prisons; and (5) feelings of vengeance causing emotional instability. Based on the results of this preliminary study can be concluded that high emotional stress, social isolation, and lack of access to mental health services and psychological support were the primary causes of suicide attempts among incarcerated individuals. This study also provides a valuable foundation for researchers to conduct further research in-depth studies on further study participants more thoroughly. In conclusion, this study highlights the need for greater attention to the mental well-being of prisoners as an effective support system to prevent the occurrence of suicide attempts among incarcerated individuals in prison, as well as suggest the intervention models that are needed in dealing with the incidence of suicide attempts among this population in prison. Further studies should therefore consider triangulating the data with institutions for a more comprehensive assessment.

Keywords: suicide attempt; incarcerated individuals; descriptive phenomenology; preventive intervention; pilot study

PENGENALAN

Cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan merupakan isu kesihatan mental yang serius dan sering kali dianggap sebagai suatu perkara yang dilakukan oleh banduan hanya untuk mendapatkan perhatian di dalam sistem penjara. Banduan merupakan populasi yang terdedah kepada pelbagai tekanan psikososial dan persekitaran, meliputi faktor-faktor seperti pengasingan sosial, kekangan fizikal, serta beban psikologi akibat pengalaman hidup sebelum dipenjarakan (Favril et al., 2020). Keadaan ini menjadikan mereka lebih rentan terhadap kecenderungan tingkah laku berisiko tinggi, termasuk cubaan bunuh diri. Dalam konteks penjara, risiko ini semakin meningkat disebabkan oleh suasana persekitaran yang tertekan, akses terhad kepada sumber sokongan kesihatan mental dan psikologi, serta konflik interpersonal yang mungkin wujud antara banduan dengan pegawai penjara serta konflik di antara banduan (Akalin, 2023). Oleh itu, kajian tentang pengalaman cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan di penjara amat diperlukan dalam mendapatkan maklumat yang lebih mendalam bagi memahami punca serta faktor yang mempengaruhi tingkah laku tersebut dalam kalangan banduan semasa dipenjarakan.

Di Malaysia, kajian yang memberi fokus kepada isu kesihatan mental banduan masih agak terhad dan tidak mendapat liputan kajian yang meluas oleh pengkaji tempatan, terutamanya isu yang berkaitan dengan fenomena cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan. Kajian oleh Johari et al. (2021), menyatakan, statistik global menunjukkan bahawa populasi banduan mempunyai kadar cubaan bunuh diri yang lebih tinggi berbanding populasi umum, dan fenomena ini turut berlaku di Malaysia, walaupun data kadar kejadian yang sebenar mungkin sukar diperolehi secara rasmi. Kajian tentang cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan di Malaysia amat penting kerana ia menyediakan gambaran yang jelas mengenai aspek tahap kesihatan mental yang perlu dinilai serta penambahbaikan terhadap sistem pengurusan banduan di penjara. Melalui pengalaman banduan yang cuba untuk membunuh diri, pengkaji dapat menghasilkan kertas kajian yang akan memberi kepentingan kepada pihak pengurusan penjara dan penggubal dasar dalam merangka intervensi yang bersesuaian dan berkesan bagi mengurangkan risiko cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan, sekaligus meningkatkan kesejahteraan mental dan keselamatan banduan sepanjang tempoh menjalani hukuman di penjara.

Jika dibuat perbandingan dengan negara jiran iaitu Indonesia, perkara seumpama turut sama berlaku di mana walaupun isu kesihatan mental yang membawa kepada tingkah laku bunuh diri dalam kalangan banduan dilihat semakin serius namun kajian empirikal masih lagi terhad. Kajian oleh Sibuea dan Supiandi (2023) telah menjelaskan bahawa banduan di penjara Indonesia mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami tekanan yang teruk, kemurungan, dan kecenderungan membunuh diri berbanding populasi umum, terutamanya mereka yang menjalani hukuman penjara untuk tempoh yang lama atau seumur hidup. Kajian di Penjara Kelas IIA Palangka Raya misalnya, mendapati banduan yang dijatuhkan hukuman penjara lima tahun atau lebih mempunyai risiko yang tinggi untuk membunuh diri akibat tekanan psikologi, interaksi sosial yang terhad, dan sokongan keluarga dan menerima perkhidmatan kesihatan mental yang minimum (Sibuea & Supiandi, 2023). Maulida (2023) pula dalam kajiannya terhadap banduan wanita di salah sebuah penjara di Indonesia mendapati rasa malu, putus asa, dan persekitaran sosial yang menekan menjadi punca mereka cenderung memikirkan tentang tingkah laku bunuh diri. Tambahan, kekurangan akses terhadap kesihatan mental di penjara turut memburukkan lagi keadaan ini. Perkara yang membimbangkan berlaku di Penjara Wanita Kelas IIB di Yogyakarta mendapati bahawa 49.3% banduan mempunyai penyesuaian diri yang negatif, dan 80.6% mengalami tahap tekanan yang rendah (Maulida, 2023). Berdasarkan kajian Sukma et al, (2022)

menjelaskan terdapat korelasi negatif yang signifikan antara keupayaan penyesuaian diri dan tahap tekanan, menunjukkan banduan yang mempunyai penyesuaian diri yang tidak baik cenderung mengalami tekanan yang lebih tinggi lantas menjadi salah satu sebab mereka berniat untuk membunuh diri.

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman banduan yang telah cuba membunuh diri di penjara. Melalui pengalaman yang dinyatakan sendiri oleh banduan yang pernah cuba untuk membunuh diri ini, pengkaji turut dapat meneroka faktor yang menyumbang kepada tindakan tersebut. Kajian rintis ini penting kerana ia berfungsi sebagai panduan awal kepada pengkaji bagi memahami isu ini secara mendalam sebelum kajian penuh dilaksanakan. Melalui kajian rintis ini juga, pengkaji turut dapat menguji tahap pemahaman peserta kajian dalam penggunaan protokol temu bual yang telah dibina serta memperoleh kesahan daripada beberapa pakar serta melalui proses penambahbaikan untuk digunakan di dalam kajian ini.

Sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDGs) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), matlamat 3 memberi penekanan kepada kesejahteraan kesihatan mental dengan menasaskan pengurangan kadar bunuh diri secara global menjelang tahun 2030. Manakala matlamat 16 pula menekankan kepentingan memastikan akses kepada keadilan dan pembentukan institusi yang bertanggungjawab, telus dan inklusif. Kedua-dua matlamat ini secara langsung berkait dengan usaha menangani isu kesejahteraan mental dalam kalangan populasi terpinggir seperti banduan, termasuk keperluan untuk mencegah kejadian cubaan bunuh diri dalam penjara (United Nations, 2023).

Oleh yang demikian, pelaksanaan kajian itu adalah amat relevan dan signifikan bagi meneroka punca yang mendorong tindakan cubaan bunuh diri yang berlaku dalam kalangan banduan, walaupun mereka berada dalam persekitaran yang sepatutnya terkawal dan selamat. Walau bagaimanapun, pengumpulan data melalui temu bual mendalam secara bersemuka bersama banduan yang sedang menjalani hukuman di institusi penjara bukanlah sesuatu yang mudah, dan ianya menuntut pematuhan etika dan protokol keselamatan yang ketat.

Justeru kajian rintis ini dijalankan sebagai usaha awal untuk mengenal pasti cabaran dan kekangan yang mungkin timbul semasa proses pengumpulan data kelak. Kajian ini juga berperanan penting dalam menambah baik aspek-aspek teknikal seperti persiapan seting temu bual, pelaksanaan prosedur temu bual, dan pengendalian hubungan pengkaji dengan peserta kajian. Langkah ini amat penting bagi memastikan kajian sebenar dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, berkesan, dan menepati piawaian penyelidikan kualitatif yang beretika, dalam mengenal pasti tema utama yang relevan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metod kualitatif melalui reka bentuk kajian fenomenologi deskriptif, yang bertujuan untuk meneroka dan memahami pengalaman subjektif banduan yang pernah cuba untuk membunuh diri di penjara. Reka bentuk penyelidikan fenomenologi deskriptif dipilih kerana ianya memberi fokus kepada intipati fenomena atau struktur pengalaman hidup (Finlay, 2011). Analisis tematik melalui pendekatan fenomenologi deskriptif dalam kajian yang dijalankan memerlukan pengkaji mengamalkan sikap kurungan (bracketing) atau *Epoché* (Laverly, 2003). *Bracketing* merujuk kepada sikap pengkaji yang perlu mengeneipkan pengetahuan, persepsi, idea, dan tafsiran pengkaji, serta penerapan kajian teori dan kesusasteraan dalam menjelaskan sesuatu fenomena yang dikaji (Giorgi et al., 2017; Laverly, 2003; Lopez & Willis, 2004).

Analisis tematik ini juga adalah penting bagi mengekalkan integriti penemuan dalam menganalisis data temu bual mendalam yang telah dijalankan yang juga mencerminkan pengalaman hidup peserta kajian (Lopez & Willis, 2004). Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan pematuhan kepada prinsip kurungan sepanjang proses penyelidikan selaras dengan pendekatan fenomenologi deskriptif. Prinsip kurungan atau 'bracketing' merujuk kepada usaha pengkaji untuk menanggukkan andaian dan kepercayaan sedia ada, bagi membolehkan pengalaman peserta diteroka secara autentik dan bebas daripada pengaruh tafsiran pengkaji (Creswell & Poth, 2018; Giorgi, 2009). Ini termasuk pengetahuan peribadi, idea, dan tafsiran pengkaji serta penerapan teori dalam kajian dalam menjelaskan objek kajian (Lopez & Willis, 2004). Oleh yang demikian, pengkaji perlu mengetepikan pengetahuan dan pengalaman pengkaji di lapangan bagi mengelakkan daripada membuat sebarang tafsiran peribadi mengenai pengalaman peserta kajian. Hal Ini juga penting untuk memastikan integriti dan kesahihan penemuan dalam menggambarkan kehidupan yang penting pengalaman peserta yang disasarkan (Lopez & Willis, 2004).

Peserta kajian ini terdiri daripada banduan yang memenuhi kriteria inklusif dan eksklusif dalam memastikan tahap kesesuaian terhadap data temu bual yang diperolehi. Kriteria pemilihan peserta kajian meliputi banduan yang mempunyai sejarah cubaan bunuh diri serta bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka secara sukarela tanpa paksaan daripada mana-mana pihak melalui kebenaran pihak penjara Malaysia. Pemilihan peserta dilakukan melalui pensampelan bertujuan, kerana banduan yang pernah cuba membunuh diri serta sedang menjalani hukuman di penjara sahaja dapat memberikan maklumat yang relevan dan signifikan kepada pengkaji bagi tujuan kajian yang dilaksanakan.

Bagi kajian ini, pengkaji bersandarkan kepada dapatan analisis temu bual mendalam bersama seorang peserta kajian yang telah menjalani proses temu bual melalui protokol temu bual yang telah dibina oleh pengkaji bagi kajian ini. Menjalankan penyelidikan dalam kalangan populasi yang sukar dicapai seperti banduan di penjara merupakan satu cabaran dalam menggunakan metodologi yang signifikan (Ellis, 2023). Hal ini juga disebabkan faktor sensitiviti, kerahsiaan, dan kekangan institusi yang membataskan akses pengkaji kepada peserta kajian. Kajian Patenaude (2004), menekankan bahawa proses mendapatkan kebenaran daripada pihak penjara sering kali melibatkan birokrasi yang ketat dan pertimbangan keselamatan yang tinggi, yang boleh mengehadkan ruang untuk pengumpulan data secara mendalam. Tambahan pula, Wacquant (2002) turut menyatakan bahawa sifat tertutup dan terasing institusi penjara mewujudkan satu bentuk "eclipse" terhadap penyelidikan kualitatif, menjadikan proses penerokaan pengalaman banduan lebih kompleks dan mencabar. Oleh itu, pengkaji perlu mengadaptasi strategi yang teliti dan beretika dalam membina kepercayaan serta memastikan pematuhan terhadap peraturan institusi demi melindungi keselamatan peserta dan memastikan integriti kajian dapat dipatuhi. Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya melibatkan analisis data daripada satu sesi temu bual mendalam yang dijalankan ke atas seorang peserta. Pemilihan ini dibuat berikutan kekangan dalam mendapatkan akses kepada maklumat berkaitan kes cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan di institusi penjara.

Data dikumpulkan melalui sesi temu bual dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang mendalam serta memberi kebebasan kepada peserta kajian ini untuk berkongsi pengalaman mereka secara terbuka. Temu bual separa berstruktur digunakan secara meluas dalam penyelidikan fenomenologi (Langdrige, 2007) kerana kemampuan dalam mengumpulkan maklumat, perspektif, dan makna dalam pengalaman hidup yang tidak boleh direplikasi (Merriam, 2009). Protokol temu bual separa

berstruktur ini turut mengandungi beberapa soalan panduan untuk memastikan isu utama dapat dibincangkan serta memberi ruang kepada peserta untuk memperincikan perasaan, pemikiran, dan persepsi mereka terhadap pengalaman yang telah dilalui. Pendekatan ini sesuai dengan kajian fenomenologi, di mana fokusnya adalah untuk mendalami pengalaman hidup dari perspektif peserta kajian tanpa sebarang kekangan.

Oleh kerana sensitiviti peserta kajian yang dikaji, pengkaji turut mendapatkan persetujuan dan kerjasama pihak penjara dalam proses pemilihan peserta yang dapat memberi kerjasama serta bersedia untuk berbicara tentang pengalaman cubaan bunuh diri yang pernah dilakukan melalui sokongan emosi yang bersesuaian. Seajar dengan itu, pengkaji telah memperoleh dua kebenaran daripada Jabatan Penjara Malaysia melalui surat kebenaran PRIDE.BDK.Rd.500.8/9/1 Jld.73 (21) serta kelulusan etika penyelidikan daripada Bahagian Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi menjalankan kajian ini, merujuk kepada surat kelulusan JEP-2024-449.

Temu bual mendalam telah dijalankan secara bersemuka dalam persekitaran penjara yang selamat dan terkawal dengan menggunakan bahasa Melayu. Sebelum sesi temu bual dijalankan, pengkaji memberi penerangan mengenai tujuan kajian serta memastikan bahawa kerahsiaan peserta akan dilindungi sepenuhnya. Setiap sesi temu bual direkodkan menggunakan perakam suara setelah mendapat kebenaran peserta kajian serta kebenaran khas daripada Jabatan Penjara Malaysia melalui surat kebenaran khas PRIDE.BDK.Rd.500.8/9/1 Jld.74 (45). Rakaman suara ini penting, untuk membolehkan analisis data temu bual dijalankan dengan teliti tanpa berlakunya kecaciran maklumat penting yang berkaitan dengan pengalaman yang dikongsikan oleh peserta kajian kepada pengkaji. Perkara ini sangat penting kepada pengkaji, kerana setiap butir kata yang disampaikan oleh peserta kajian memberi makna yang tersendiri terhadap pengalaman cubaan bunuh diri yang pernah dilakukan oleh peserta kajian. Temu bual yang telah dirakam kemudiannya di transkrip ke dalam bentuk verbatim, dan setiap verbatim disemak dengan teliti bagi menjamin ketepatan data sebelum analisis bagi menentukan tema penting bagi kajian ini dijalankan. Pengkaji turut menggunakan nama samaran dalam setiap penulisan dan pelaporan bagi menjamin kerahsiaan setiap peserta yang terlibat dalam kajian ini dan ianya juga merupakan kaedah pengkaji dalam menghormati setiap butir kata yang disampaikan serta kesanggupan peserta kajian dalam menyertai kajian ini secara sukarela.

Melalui reka bentuk kajian yang digunakan ini, analisis data memberi fokus dalam mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada naratif peserta. Analisis ini diharapkan dapat menyediakan pemahaman yang mendalam tentang pengalaman banduan terhadap cubaan bunuh diri. Faktor-faktor risiko yang dikenal pasti di dalam kajian ini terhadap tingkah laku cubaan bunuh diri yang dilakukan oleh banduan, turut memberi sumbangan yang signifikan kepada pengkaji.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian rintis ini melibatkan seorang peserta kajian yang dikenali sebagai Amin (bukan nama sebenar). Berumur 28 tahun, berbangsa Melayu dan beragama Islam. Amin masih bujang dan mempunyai tahap pendidikan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Amin merupakan banduan yang menjalani hukuman lama iaitu kategori bagi banduan yang menjalani hukuman melebihi tiga tahun. Bagi diri Amin beliau dijatuhkan hukuman penjara selama lima tahun dengan satu sebatan. Amin menjalani hukuman penjara disebabkan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan (KK) 392 dan 397 iaitu seksaan bagi rompak dengan bersenjata atau rompak serta mencuba

menyebabkan kematian atau cedera parah. Temu bual telah dilaksanakan bersama dengan penyelia pengkaji di penjara Kajang dengan kawalan keselamatan daripada pegawai penjara.

Berdasarkan analisis tematik terhadap data temu bual mendalam yang dijalankan dalam kajian ini, lima tema utama telah dikenal pasti dan menjelaskan pengalaman banduan yang telah cuba untuk membunuh diri di penjara. Terdapat tema yang muncul hasil daripada beberapa sub-tema dan ianya memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai faktor yang mempengaruhi keputusan banduan melakukan tindakan cubaan bunuh diri di penjara. Tema yang muncul hasil daripada analisis tematik terdiri daripada (1) kesukaran hidup menjadi punca tekanan, (2) tingkah laku mencederakan diri sebagai ekspresi emosi, (3) sokongan keluarga dalam membuat perubahan diri, (4) pengalaman banduan terhadap keberkesanan perkhidmatan sokongan di penjara dan (5) perasaan dendam mengakibatkan ketidakstabilan emosi. Pembentangan tema-tema ini selaras dengan objektif kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor berlakunya kejadian cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan yang menyelubungi kehidupan mereka sebagai banduan yang menjalani hukuman di penjara.

Tema 1: Kesukaran hidup menjadi punca tekanan emosi

Tema pertama yang akan dibincangkan ialah kesukaran hidup sehingga menjadi punca tekanan emosi yang dialami oleh banduan. Tema ini terhasil daripada dua sub-tema di bawahnya iaitu 1) pengalaman berpisah daripada keluarga dan 2) konflik persekitaran yang dialami. Pengalaman Amin yang menjalani kehidupan secara bersendirian selepas ibu bapanya berpisah menjadi titik permulaan perubahan seterusnya terlibat dengan jenayah dan penglibatan dengan penagihan dadah. Tekanan hidup berjauhan daripada keluarga semasa remaja juga turut mengakibatkan kesukaran hidup dialami seterusnya mencetuskan tingkah laku yang tidak sepatutnya bagi seseorang remaja. Keterpaksaan menjalani kehidupan tanpa ibu bapa di asrama dalam usia yang terlalu muda ini juga telah mengakibatkan Amin terlibat dengan tingkah laku delinkuen dengan membakar sekolah. Hal ini sejajar dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Amin;

Saya ada tujuh orang adik beradik, saya anak yang keenam, lepas itu daripada kecil memang saya tak duduk dengan adik beradik, saya biasa duduk dekat asrama. [Umur] 11 tahun saya dah tak nak sekolah, lepas itu saya masih lagi duduk asrama. Saya ambil keputusan saya buat bakar sekolah la, saya terus bakar sekolah lepas itu jadi isu... jadi isu [jadi masalah]. Cikgu tangkap saya tapi bukan dekat tempat kejadian tapi saya tak mengaku... saya bakar. Lepas itu cikgu tak ada bukti, lagi satu tak ada saksi yang boleh nampak saya bakar bangunan [sekolah] tu, cuma saya sendiri je yang tahu. Lepas itu sampai saya dah kena buang... kena buang [diberhentikan sekolah], saya punya ustaz [cikgu yang menjadi warden asrama] yang jaga saya pun dah tak boleh nak buat apa-apa. So, dia panggil ayah saya suruh ambil saya.

Tekanan yang dialami akibat perpisahan ibu bapa boleh mengakibatkan konflik dalaman bagi seseorang kanak-kanak sewaktu meningkat remaja dan hal ini turut menjadi faktor penglibatan terhadap salah laku jenayah sehingga perlu menjalani hukuman berulang kali di penjara. Selaras dengan dapatan kajian oleh Rahim et al. (2022), pelbagai faktor tekanan dalam institusi keluarga seperti perpisahan ibu bapa, masalah kewangan, serta kesukaran dalam mengurus dan menjaga anak telah dikenal pasti memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan emosi, psikologi, dan kesihatan mental kanak-kanak. Kamaludin et.al (2021) dalam kajiannya turut menjelaskan kefungsiannya keluarga iaitu kekurangan kasih sayang, keluarga bermasalah, dendam terhadap ahli keluarga dan keterlibatan ahli keluarga dalam jenayah turut dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi proses perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan, termasuk aspek tingkah laku, pembentukan identiti, dan kemahiran sosial mereka. Perpisahan ibu bapa semasa kanak-kanak berada pada usia muda turut memberi tekanan emosi yang tinggi termasuk perasaan

kehilangan, kesunyian dan kemurungan seterusnya mendorong remaja mencari sokongan dalam kumpulan yang berisiko dan tidak sihat (Kroese et.al 2021). Perkara ini turut dijelaskan melalui kajian yang dijalankan oleh Yoshikawa et al. (2020), kanak-kanak yang terdedah kepada tekanan keluarga yang berpanjangan berisiko mengalami gangguan perkembangan emosi dan tingkah laku, khususnya dalam persekitaran yang kurang sokongan psikososial.

Konflik persekitaran yang dialami pula merupakan sub-tema yang kedua bagi tema ini. Hubungan yang tidak harmoni dengan kawan baik telah mengakibatkan Amin memperoleh tekanan sehingga terlibat dengan pergaduhan seterusnya dipenjarakan. Konflik ini juga turut memberi impak yang berpanjangan kepada Amin sehingga menjadi isu yang tiada kesudahan di antara beliau dengan kawan baiknya. Hal ini juga turut memberi gangguan emosi seterusnya menyebabkan Amin tidak dapat menguruskan emosi marah dengan baik yang sama terlibat dengan jenayah yang tidak baik juga turut menjadi tekanan utama sehinggakan tindakan melakukan jenayah dilakukan seterusnya menjadi punca utama yang mengakibatkan tindakan cubaan membunuh diri dilakukan;

Saya bergaduh sampai bertikam. Lepas itu saya ada tiga orang la yang terlibat dan naik *court* [kes dibicarakan di mahkamah] tiap-tiap bulan. tapi pertuduhan itu baca atas kawan saya. Jadi bila satu masa tu saya masuk balik saya rasa macam satu benda yang berat la untuk saya terima ingatkan saya boleh berubah...tak sampai setahun [tempoh bebas dari penjara].

Kenyataan yang diberikan oleh Amin mencerminkan tekanan psikologi yang kronik dan tidak terurus mengakibatkan rasa putus asa dan kehilangan arah hidup. Keadaan tekanan yang tidak dapat dikawal ini meningkatkan kecenderungan untuk mencederakan diri dan melakukan cubaan bunuh diri. Kajian terkini menunjukkan bahawa faktor seperti kesesakan sel, kekurangan privasi, dan akses terhad kepada sokongan emosi merupakan pencetus utama tekanan dalam kalangan banduan (Palmen et al., 2022; Hervic et al., 2025). Menurut Quinn et.al, (2020), realiti institusi penjara yang menekan ini boleh mencetuskan perasaan tidak berdaya, terasing, dan trauma yang mendalam, terutamanya dalam kalangan individu yang sudah pun mengalami kerentanan psikologi. Oleh itu, tekanan yang diperoleh daripada persekitaran penjara turut dikenal pasti sebagai elemen utama yang memerlukan perhatian khusus dalam penyelidikan mendalam pada masa akan datang.

Tema 2: Mencederakan diri sebagai ekspresi emosi

Tingkah laku mencederakan diri sebagai ekspresi emosi turut dikenal pasti sebagai satu cara banduan mengatasi emosi yang tidak mampu dikawal. Tema ini terdiri daripada dua sub-tema iaitu 1) tindakan yang dilakukan semasa cubaan membunuh diri dan juga 2) gagal mengawal tindakan. Sub-tema pertama iaitu tingkah laku cubaan bunuh diri ini muncul sebagai respons spontan terhadap tekanan yang melampau dialami oleh Amin, dan tingkah laku mencederakan diri yang dilakukan dianggap sebagai satu bentuk ekspresi emosi dan juga cara untuk Amin melepaskan tekanan secara sementara tanpa memikirkan akibat yang akan diterima selepas melakukan tindakan tersebut. Perkara ini telah dijelaskan oleh Amin sendiri;

Bila saya stres saya akan lukakan diri saya, saya akan lukakan tangan dan kepala saya. Ada masa-masa bila saya tidak dapat menahan emosi saya, saya pacakkan [cucuk] kepala saya dengan *weapon* [senjata] tajam yang saya buat saya asah, saya tidak sedar waktu tu [mencederakan diri] tahu-tahu dah berdarah.

Kajian yang dijalankan oleh McTernan et.al, (2023) menjelaskan, faktor penyumbang yang berkaitan dengan tingkah laku mencederakan diri sering dikaitkan dengan masalah kesihatan mental yang dialami oleh seseorang individu yang menjalani hukuman di penjara serta persekitaran penjara yang sememangnya memberi tekanan akibat pengasingan sosial yang dialami. Kajian ini menekankan perlunya akses yang bersesuaian bagi perkhidmatan kesihatan mental untuk menangani keperluan khusus tahanan yang terlibat dalam kecederaan diri.

Sub-tema kedua bagi tema ini pula merujuk kepada ketidakupayaan banduan mengawal tindakan dan bertindak mencederakan diri tanpa menyedari tingkah laku tersebut boleh mengancam nyawanya sendiri. Tindakan ini juga dilakukan oleh Amin di dalam keadaan tidak sedar seperti yang dinyatakan;

Saya tak tahu tujuan apa saya buat semua ini [cucuk kepala], saya tak sedar, saya bukan nak cari perhatian tapi semuanya berlaku tanpa saya sedar dan ada kala bila saya stres sangat-sangat saya rasa nak tikam diri nak tikam orang sekeliling saya. Hari tu saya hampir tikam kawan sebilik.

Pernyataan ini juga menggariskan keperluan mendesak untuk menyediakan perkhidmatan psikososial yang boleh membantu banduan menguruskan emosi mereka dengan lebih sihat. Sejarah penagihan melalui pengambilan pelbagai jenis dadah seperti ganja dan methamphetamine juga dilihat sebagai salah satu faktor yang mengganggu cara banduan berfikir dan bertingkah laku untuk cubaan membunuh diri dan mencederakan diri (Favril et.al, 2020). Kajian daripada Ibrahim et.al (2021) juga turut menjelaskan kesan pengambilan dadah mempengaruhi seseorang individu untuk melakukan jenayah sama ada secara bersendirian mahupun berkumpulan serta mampu melakukan tindakan impulsif tanpa memikirkan persekitarannya. Oleh yang demikian, tingkah laku mencederakan diri dan cubaan bunuh diri yang dilakukan oleh Amin ini juga terjadi akibat kekurangan saluran sokongan emosi yang sepatutnya dan mencukupi, seterusnya tingkah laku ini dilihat sebagai mekanisma sementara walaupun ia berbahaya dan boleh mengakibatkan kematian (Butler et.al, 2018). Tindakan agresif yang berbahaya ini mempunyai kaitan dengan isu dalaman yang gagal diselesaikan oleh seseorang individu (Nasuha et.al 2020). Lanjutan daripada itu juga, kajian lain yang dilaksanakan oleh Mansyah & Hariati (2023) terhadap populasi banduan di Indonesia juga turut mendapati, banduan yang mempunyai niat membunuh diri adalah disebabkan tekanan hidup dalam penjara untuk tempoh yang lama. Perkara ini juga turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Tharshini et.al (2020), tempoh hukuman yang panjang turut memberi kesan kepada pola pemikiran bagi seseorang banduan dan pelatih dalam melakukan sebarang tindakan impulsif yang boleh mendatangkan bahaya serta menyebabkan kematian diri sendiri.

Tema 3: Sokongan keluarga dalam membuat perubahan diri

Tema ketiga pula merujuk kepada sokongan keluarga dalam membuat perubahan diri. Walaupun telah melakukan kesalahan yang menyalahi undang-undang dan menjalani hukuman di penjara berulang kali, sokongan daripada ahli keluarga masih diperlukan untuk banduan membuat perubahan diri seterusnya dapat berfungsi sebagai individu yang sewajarnya di dalam masyarakat. Meskipun berada dalam situasi yang sukar, banduan menunjukkan keinginan yang kuat untuk berubah, terutamanya melalui sokongan moral daripada ahli keluarga, “Mak saya la penguat semangat saya, saya bercita-cita dan berazam untuk buat perubahan diri.” Pernyataan ini mencerminkan peranan penting yang dimainkan oleh keluarga, khususnya ibu, dalam memberi harapan dan dorongan kepada banduan. Sokongan sosial dan hubungan keluarga yang erat boleh menjadi faktor pelindung bagi banduan yang mengalami tekanan tinggi sehingga cenderung kepada tingkah laku mencederakan diri atau cubaan bunuh diri. Kajian oleh Oliveira et.al, (2025)

menunjukkan bahawa kompetensi sosial dan emosi, termasuk pengurusan diri dan motivasi, berperanan dalam mengurangkan risiko percubaan bunuh diri dalam kalangan banduan. Selain itu, laporan oleh *Department of Behavioral Health and Intellectual Disability Services (DBHIDS)* (2024), menekankan bahawa hubungan sosial yang positif dan sokongan keluarga adalah faktor pelindung yang signifikan terhadap risiko bunuh diri dalam kalangan individu yang kembali ke masyarakat selepas menjalani hukuman di penjara. Sejalan dengan kajian oleh Pratt et.al, (2023), mendapati bahawa harapan dan sokongan sosial yang dirasakan oleh banduan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap idea bunuh diri yang lebih rendah. Terdapat kajian di Indonesia menjelaskan berkenaan faktor optimisme, penyesuaian, persekitaran sosial dan tempoh penahanan memberi kesan kepada masalah kesihatan mental dalam kalangan banduan terutamanya pesalah yang terlibat dengan penagihan dadah (Cahyani et al., 2020). Oleh itu, mengekalkan dan memperkukuh hubungan keluarga semasa dalam penjara boleh membantu mengurangkan risiko tingkah laku mencederakan diri dan cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan.

Tema ini membuktikan bahawa sokongan sosial dan hubungan keluarga yang erat boleh menjadi faktor pelindung bagi banduan yang mengalami tekanan yang tinggi sehingga melakukan tingkah laku cubaan bunuh diri di penjara. Pengasingan sosial yang dialami oleh banduan akibat proses pemenjaraan yang perlu dilalui ini juga mengakibatkan hubungan di antara banduan dan ahli keluarga terputus dan terhad untuk berhubung. Keadaan ini juga akan menyebabkan wujudnya tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri yang lemah yang berkecenderungan berlakunya tingkah laku yang lebih agresif dalam kalangan banduan terutamanya kepada banduan yang pernah menjalani hukuman berulang kali (Mohammad et al, 2025). Oleh yang demikian, melalui sokongan sosial yang baik dari ahli keluarga terdekat ianya menjadi motivasi dalam membuat perubahan diri seterusnya dapat mengawal emosi banduan daripada melakukan tingkah laku impulsif seperti mencederakan dan cuba untuk membunuh diri.

Tema 4: Pengalaman banduan terhadap keberkesanan perkhidmatan sokongan di penjara.

Meskipun usaha institusi penjara dalam menyediakan perkhidmatan sokongan terutamanya berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan dan psikososial, pengalaman yang dikongsikan oleh peserta menunjukkan bahawa keperluan emosi mereka masih belum dipenuhi secara menyeluruh. Pengalaman banduan terhadap keberkesanan perkhidmatan sokongan di penjara merupakan tema keempat yang telah muncul hasil daripada analisis temu bual yang telah dilakukan. Dapatan menunjukkan bahawa banduan menyatakan pengalamannya terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan di penjara. Dua sub-tema telah terhasil iaitu 1) keterbatasan akses kepada rawatan kesihatan mental yang menyeluruh dan 2) pengalaman berjumpa dengan pegawai perubatan di penjara. Keperluan bantuan berkaitan kesihatan mental adalah perkara yang perlu dipenuhi bagi banduan yang memerlukan di penjara terutamanya kepada banduan yang telah mempunyai sejarah menerima rawatan psikiatri sebelum dimasukkan ke penjara terutamanya banduan yang menjalani hukuman lama. Namun begitu, keperluan dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan kesihatan mental masih lagi memerlukan penambahbaikan dari masa ke semasa meliputi kekuatan tenaga kerja yang pakar dalam menguruskan isu berkaitan kesihatan mental di institusi penjara.

Walau bagaimanapun, perasaan yang mungkin berbau kecewa ini bukanlah membawa maksud kegagalan pihak penjara dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan kesihatan mental. Akan tetapi, kenyataan tidak menerima rawatan kesihatan mental yang dianggap sesuai dengan keperluan emosi dan psikologi, menunjukkan berlakunya cabaran dari segi akses dan keberkesanan rawatan yang disediakan. Hal ini turut dijelaskan di dalam kajian literatur terdahulu

yang menjelaskan institusi penjara sering berhadapan dengan isu kekurangan tenaga pakar, peruntukan kewangan yang secukupnya, serta infrastruktur yang sempurna dalam menyediakan rawatan kesihatan mental yang sepatutnya dan hal ini akan menyebabkan keperluan rawatan mental tidak dipenuhi, sekali gus memberi tekanan psikologi banduan (Lajore et al., 2025). Perasaan yang dizahirkan oleh Amin melalui kenyataan yang disampaikan semasa sesi temu bual mendalam dijalankan menunjukkan Amin perlu menjalani diagnosis berkaitan kesihatan mental secara terperinci sebelum menerima sebarang bentuk rawatan berbentuk ubat-ubatan dari pegawai perubatan yang bertugas. Proses yang memakan masa ini juga dilihat sebagai salah satu perkara yang mengakibatkan Amin menjelaskan melalui kenyataan yang disampaikan semasa temu bual mendalam berlangsung;

Saya bagitahu MA [Pembantu Perubatan] yang kepala saya dah sakit balik [gangguan mental], tapi tak ada *follow-up* [tindakan] langsung. Saya mohon pergi rawatan la... rawatan berjumpa dengan MA [Pembantu Perubatan]. Saya malas nak cakap banyak bila saya minta MA [Pembantu Perubatan] ubat penenang, ubat pun tak sampai [tidak dapat]. Saya dianggap "opai" [menipu] oleh dia orang [Pembantu Perubatan], saya pun jadi macam apa [kecewa], malas la saya cakap, kan... saya ni hanyalah banduan.

Akses terhadap isu kesihatan mental yang terhad dan memerlukan suatu tempoh yang tertentu tidak dapat diterima dengan baik oleh banduan yang mungkin pada ketika itu berasa melalui ubat psikiatri sahaja akan menyelesaikan masalah yang dialami. Walhal, satu proses yang terperinci diperlukan oleh pegawai perubatan terutamanya pembantu perubatan yang bertugas dalam memulakan rawatan tersebut. Pemeraksanaan prosedur dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan ini juga dilihat sebagai salah satu perkara yang diperlukan dari masa ke semasa bagi memastikan suatu proses penyampaian yang lebih efisien dalam kalangan banduan yang memerlukan. Sebagai contohnya, kajian oleh Kothari et al. (2022) mendapati bahawa perubahan sistem pengurusan institusi penjara semasa dilanda pandemik COVID-19 telah meningkatkan tekanan dan kebimbangan dalam kalangan banduan. Hal ini menunjukkan keperluan mendesak terhadap isu berkaitan dengan kesejahteraan mental mereka perlu diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Selain daripada itu, laporan daripada *National Alliance on Mental Illness* (NAMI) (2023), menunjukkan bahawa hampir dua pertiga individu dengan sejarah menghidapi penyakit mental tidak menerima rawatan kesihatan mental semasa dipenjarakan, dan perkara ini menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan sistem dalam memenuhi keperluan asas banduan di penjara. Kekurangan ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan individu tetapi juga mengikis kepercayaan mereka terhadap institusi yang sepatutnya menyediakan perlindungan dan pemulihan. Tema ini menunjukkan keperluan untuk menambahbaik serta meningkatkan perkhidmatan sokongan mental dan psikiatri di penjara bagi memastikan banduan memperoleh akses yang sepatutnya terhadap bantuan yang berkualiti untuk menguruskan masalah kesihatan mental banduan seterusnya membendung isu cubaan bunuh diri di penjara.

Sub-tema kedua pula merujuk kepada pengalaman berjumpa dengan pegawai perubatan di penjara. Banduan menyatakan perjumpaan bersama pembantu perubatan (MA) lebih banyak berbanding berjumpa dengan pegawai perubatan. Penjelasan berkaitan dengan masalah kesihatan yang dialami semasa sesi perjumpaan dengan pembantu perubatan juga dilihat sebagai salah satu perkara yang menyebabkan banduan berasa dirinya tidak memperoleh perkhidmatan kesihatan yang sepatutnya; "Doktor ada bagitahu, saya ni ada *hypertension* [masalah tekanan darah tinggi] itu pasal saya kerap pergi rawatan dan minta ubat penenang, tapi tak bagi pun. Ada juga ubat dia bagi, tapi tak tenang pun." Masalah yang dinyatakan oleh Amin pada peringkat awal perjumpaan dengan pegawai perubatan tidak menjurus kepada isu kesihatan mental malah masalah kesihatan berkaitan dengan tekanan darah tinggi yang dialami dan hal ini memerlukan beliau menjalani

rawatan yang sepatutnya bagi memastikan Amin benar-benar menghadapi masalah tekanan darah tinggi berikutan ubat yang perlu diambil merupakan ubat-ubatan terkawal dan memerlukan suatu keputusan diagnosis yang tepat. Selanjutnya Amin juga turut menyatakan, “saya dah bagitahu [memaklumkan] dah, ini dah masuk 4 kali saya pergi rawatan tapi tak ada apa-apa langsung *follow up* daripada diorang [doktor]. Dapatan ini mengisyaratkan tempoh masa yang diambil bagi akses kepada rawatan perubatan sama ada fizikal dan mental perlu diberi perhatian dan dijelaskan dengan sewajarnya kepada banduan di penjara. Penambahbaikan sistem ini bukan sahaja boleh mengurangkan risiko bunuh diri dalam kalangan banduan tetapi juga memperbaiki kesejahteraan psikologi banduan secara keseluruhan. Cabaran yang dihadapi oleh institusi penjara dalam menyediakan sistem kesihatan yang lebih efisien, seperti penjagaan kesihatan mental yang tidak mencukupi dan kekurangan sistem sokongan dan tenaga pakar, memberi impak serta menjadi cabaran kepada institusi penjara seterusnya menyebabkan berlakunya peningkatan kadar cubaan bunuh diri dan kejadian bunuh diri yang dilakukan oleh banduan di penjara (Favril et.al 2020).

Tema 5: Perasaan dendam mengakibatkan ketidakstabilan emosi

Tema kelima adalah berkaitan dengan perasaan dendam yang mengakibatkan ketidakstabilan emosi yang dialami oleh banduan. Terdapat dua sub-tema yang muncul iaitu 1) ketidakstabilan emosi dan 2) dendam lama yang dialami oleh banduan. Masalah ketidakstabilan emosi ini turut menjadi punca banduan mengalami perasaan tertekan sehingga mempengaruhi tindakan banduan cuba mencederakan dan membunuh diri. Semasa temu bual dijalankan Amin ada menyatakan beliau sering mengalami ketidakstabilan emosi dan menjadi marah secara tiba-tiba; “Benda itu [perasaan marah terhadap kawan] jadi emosi tak stabil. Emosi saya tak stabil. Saya tiba-tiba marah. Orang jalan-jalan dekat sini, saya tiba-tiba angin [marah], tiba-tiba nak cari gaduhkan.” Kenyataan ini menjelaskan bahawa ketidakstabilan emosi yang dialami oleh banduan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada tekanan psikologi yang mendalam, yang seterusnya boleh mendorong kepada tingkah laku mencederakan diri dan cubaan bunuh diri (Goyes, 2024). Emosi negatif yang tidak terkawal seperti kemarahan, kebencian, dan rasa putus asa sering kali berpunca daripada pengalaman trauma lampau, gangguan personaliti, atau persekitaran penjara yang menekan. Ketidakstabilan emosi ini juga secara signifikan mempengaruhi percubaan bunuh diri akibat gangguan emosi negatif yang dialami. Sebagai contoh kajian yang dilaksanakan di penjara Indonesia menjelaskan, gangguan psikologi seperti kemurungan, kebimbangan, dan trauma yang banyak dialami oleh banduan seringkali tidak diberi perhatian selain rawatan yang sepatutnya (Syahidah & Apriyanti, 2023). Masalah tekanan mental dan perasaan menjadi semakin kronik akibat rasa putus asa dan keadaan ini turut membuatkan banduan rasa kehilangan masa hadapan untuk meneruskan kehidupan terutamanya bagi mereka yang menjalani hukuman penjara yang lama dan panjang ataupun menjalani hukuman penjara seumur hidup (Sibuea & Supiandi, 2023).

Sub-tema kedua yang terhasil ialah dendam lama yang dialami oleh banduan mengakibatkan banduan gagal mengawal emosi. Rasa tidak puas hati dan sifat dendam terhadap individu lain juga dianggap sebagai punca yang mengakibatkan banduan dituduh dan mengakibatkan banduan kembali menjalani hukuman di penjara. Kegagalan dalam menyelesaikan isu dendam ini turut memberi kesan kepada banduan dalam mengawal perasaan dan emosi sehingga bertindak dengan tingkah laku yang membahayakan diri sendiri; “Saya ada rasa dendam dengan barua polis [kawan yang memberi maklumat kepada pihak Polis], memang sakit hati. Saya rasa bengang gila tu sampai saya tercetuskan diri saya la [berfikir], lepas ini dia [kawan] mesti mati dengan saya.” Perasaan marah dan dendam yang muncul secara tiba-tiba seringkali tertumpu kepada individu atau pihak yang dianggap menyakiti atau mengkhianati beliau. Kegagalan

banduan dalam mengawal sifat dendam dan marah yang berlanjutan ini juga boleh mengakibatkan banduan bertindak bukan sahaja membahayakan dirinya malah turut membahayakan serta mengancam banduan lain yang bersama dengannya. Perkara ini sejajar dengan kajian oleh Hornsveld et.al, (2022) menunjukkan bahawa sifat kemarahan sebagai ciri personaliti neurotisme, manakala sikap bermusuhan dan perasaan dendam yang turut sama dimiliki akan menyumbang secara signifikan kepada masalah kemarahan dalam kalangan banduan, yang seterusnya meningkatkan risiko tingkah laku agresif.

KESIMPULAN

Melalui kajian sebegini, aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah dalam merangka metodologi dan pendekatan yang terbaik dalam menjalankan kajian terutamanya kajian mengenai fenomena cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan. Melalui pemahaman awal tentang tema dan sub-tema yang telah dijelaskan, ianya menjadi cabaran yang dilalui bukan sahaja banduan malah institusi penjara itu sendiri. Situasi ini bukan sahaja berlaku di institusi penjara di Malaysia malah turut dibuktikan melalui kajian terdahulu berlaku di penjara lain di dunia. Implikasi dari kajian ini juga bukan sahaja dapat memperkaya penyelidikan pada masa hadapan terutamanya dalam usaha menambah baik intervensi dan sistem sokongan yang sewajarnya di dalam persekitaran penjara. Kajian awal mengenai pengalaman banduan yang pernah cuba membunuh diri di penjara turut memberikan pandangan yang mendalam terhadap faktor-faktor risiko yang mempengaruhi tingkah laku cubaan bunuh diri dan bentuk tekanan yang dialami oleh banduan.

Walau bagaimanapun, terdapat limitasi dalam menjalankan kajian yang dihadapi terutamanya berkaitan dengan maklumat yang dinyatakan oleh peserta kajian hanya merujuk kepada seorang banduan yang menjalani hukuman di sebuah penjara sahaja dan ianya tidak mewakili keseluruhan populasi banduan yang menjalani hukuman di penjara lain di Malaysia. Kajian awal ini dijalankan di sebuah penjara mungkin tidak menggambarkan sepenuhnya variasi budaya organisasi, amalan rawatan, dan sistem sokongan di penjara lain di Malaysia.

Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja memberi nilai tambah dalam memahami fenomena cubaan bunuh diri dalam kalangan banduan, malah turut memberi sumbangan terhadap kepentingan kepada wacana kesihatan mental dalam sistem pemulihan di Malaysia. Implikasi kajian ini juga merangkumi keperluan yang sewajarnya untuk menstruktur kembali sistem sokongan psikososial dalam penjara agar lebih inklusif, empatik dan berasaskan bukti, selari dengan pendekatan penjagaan kesihatan mental yang menyeluruh.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penjara Malaysia kerana memberi kebenaran dan sokongan bagi menjalankan kajian ini. Terima kasih juga buat pegawai psikologi dan pegawai penjara yang komited dalam membantu semasa tempoh kerja kutipan data dilaksanakan. Pengkaji juga berterima kasih kepada semua peserta kajian yang secara sukarela menyumbang masa dan pengalaman mereka dalam menghasilkan kajian ini.

RUJUKAN

- Akalin, I. E. (2023). Correctional mental health (pp. 490–494). Elsevier eBooks. <https://doi.org/10.1016/b978-0-323-91497-0.00242-3>. Retrieved on: 15 January 2025
- Butler, A., Butler, A., Young, J. T., Young, J. T., Young, J. T., Kinner, S. A., & Borschmann, R. (2018). Self-harm and suicidal behaviour among incarcerated adults in the Australian Capital Territory. *Health & Justice*, 6(1), 13. <https://doi.org/10.1186/S40352-018-0071-8>. Retrieved on: 3 January 2025
- Cahyani, H., Asikin, M., & Hengky, H. K. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah kesehatan mental pada narapidana narkoba di rutan kelas IIB Sidrap. *Jurnal Ilmiah Manusia Dan Kesehatan*, 3(1), 43-52. Retrieved on: 27 May 2025
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). SAGE Publications. Retrieved on: 13 March 2024
- Department of Behavioral Health and Intellectual disability Services (DBHIDS). (2024). Issue Brief: Suicide Risk Among Returning Citizens. <https://dbhids.org/wp-content/uploads/2024/01/Issue-Brief-Suicide-Risk-Among-Returning-Citizens.pdf>. Retrieved on: 3 January 2025
- Ellis, R. (2023). What do we mean by a “hard-to-reach” population? Legitimacy versus precarity as barriers to access. *Sociological Methods & Research*, 52(3), 1556-1586. Retrieved on: 5 April 2025
- Favril, L., Indig, D., Gear, C., Wilhelm, K., & Wilhelm, K. (2020). Mental disorders and risk of suicide attempt in prisoners. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 55(9), 1145–1155. <https://doi.org/10.1007/S00127-020-01851-7>. Retrieved on: 15 January 2025
- Finlay, L. (2011). *Phenomenology for therapists: Researching the lived world*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Retrieved on: 13 March 2024
- Giorgi, A. (2009). *The Descriptive Phenomenological Method in Psychology: A Modified Husserlian Approach*. Duquesne University Press. Retrieved on: 13 March 2024
- Giorgi, A., Giorgi, B. & Morley, J. (2017). The Descriptive phenomenological psychological method. In C. Willig & W. Stainton-Rogers (Eds.), *The SAGE Handbook of Qualitative Research in Psychology (2nd ed., pp. 176–192)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications. Retrieved on: 13 March 2024
- Goyes, D. R. (2024). Trauma and imported vulnerability in prison suicides. *Punishment & Society*, 14624745241295499. Retrieved on: 15 January 2025
- Hervik, S. E. K., Hervik, A. K., Thoresen, T., & Thurston, M. (2025). “When you’ve been living in darkness, the light suddenly becomes frightening”—prisoners’ experiences of health promotion in a Norwegian prison. *International Journal of Prison Health*, 21(1), 42-54. Retrieved on: 15 January 2025
- Hornsveld, R. H., & Kraaimaat, F. W. (2023). Psychological factors predicting violent prison inmates’ anger and aggression. *Journal of Forensic Psychology Research and Practice*, 23(5), 472-488. Retrieved on: 15 January 2025
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Hassan, N., Kamaluddin, M. R., Sulaiman, W. S. W., & Yunus, N. A. (2021). Profil dan pengalaman menggunakan dadah dan keterlibatan jenayah dalam kalangan banduan melayu di Malaysia. *Journal of Social Science (EJOSS)*, 7(1), 55-66. Retrieved on: 20 September 2025

- Kamaluddin, M. R., Kamarudin, N. N., Nor, S. N. M., Sathoo, K. D., Meyappan, S., & Ahmad, N. (2021). Penerokaan kefungsiian keluarga dalam kalangan banduan muda lelaki Malaysia: Satu kajian kualitatif. *Geografia*, 17(2), 235-247. Retrieved on: 20 September 2025
- Khamis, J., Panirselvam, R. R., Badruddin, N. A., Ab Rahman, F. H., & Chan, L. F. (2021). Attempted Suicide and Criminal Justice System in a Sample of Forensic Psychiatric Patients in Malaysia. medRxiv, 2021-06. Retrieved on: 13 April 2024
- Kothari, R., Sparrow, J., Henshall, J., Buchan, D., Kemp, J., Owen, A., et al. (2022). Locked Up and Locked Down: How the COVID-19 Pandemic Has Impacted the Mental Health of Male Prisoners and Support Staff. *Journal of Men's Health*, 18(6). <https://doi.org/10.31083/j.jomh1806141>. Retrieved on: 13 March 2025
- Kroese, J., Bernasco, W., Liefbroer, A. C., & Rouwendal, J. (2021). Single-parent families and adolescent crime: Unpacking the role of parental separation, parental decease, and being born to a single-parent family. *Journal of Developmental and Life-Course Criminology*, 7(4), 596-622. Retrieved on: 13 March 2025
- Lajore, B. A., Moges, S., Kabiye, D. D., Feyisa, A., Lodebo, M., Debesay, B. A., ... & Birege, B. (2025). Suicidal ideation, attempted suicide and determinants among prisoners in Ethiopia 2024: a systematic review and meta-analysis. *BMC psychiatry*, 25(1), 1-16. Retrieved on: 13 March 2025
- Langdrige, D. (2007). *Phenomenological psychology: Theory, research and method*: Pearson Education. Retrieved on: 13 March 2024
- Laverty, S. M. (2003). Hermeneutic phenomenology and phenomenology: A comparison of historical and methodological considerations. *International Journal of Qualitative Methods*, 2(3), 21–35. doi:10.1177/160940690300200303. Retrieved on: 13 March 2024
- Lopez, K. A., & Willis, D. G. (2004). Descriptive versus interpretive phenomenology: Their contributions to nursing knowledge. *Qualitative Health Research*, 14(5), 726–735. doi:10.1177/1049732304263638. Retrieved on: 13 March 2024
- Mansyah, B., & Hariati, T. (2023). Resiko Bunuh Diri pada Warga Binaan Pemasyarakatan Dewasa dengan Masa Hukuman \geq 5 Tahun di Lembaga Pemasyarakatan Kelas IIA Palangka Raya: Risk of Suicide in Adult Correctors with a Sentence of \geq 5 Years in Class IIA Palangka Raya Criminal Institution. *Jurnal Surya Medika (JSM)*, 9(1), 299-309. Retrieved on: 27 May 2025
- Maulida, M. (2023). Studi Fenomenologi tentang Ide Bunuh Diri pada Narapidana Perempuan. *Jurnal Cendekia Ilmu*, 6(2), 84–94. <https://journal-nusantara.com/index.php/J-CEKI/article/view/3842>. Retrieved on: 27 May 2025
- McTernan, N., Griffin, E., Cully, G., Kelly, E., Hume, S., & Corcoran, P. (2023). The incidence and profile of self-harm among prisoners: findings from the Self-Harm Assessment and Data Analysis Project 2017–2019. *International journal of prisoner health*, 19(4), 565-577. Retrieved on: 3 January 2025
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: John Wiley & Sons. Retrieved on: 13 March 2024
- Mohamad, M. S., Roshaid, N. A., & Kamaluddin, M. R. (2025). Hubungan Tingkah Laku Impulsif dan Kawalan Kendiri dengan Tingkah Laku Keganasan dalam Kalangan Bekas Banduan. *Akademika*, 95(1), 184-199. Retrieved on: 5 June 2025

- Nasuha, L., & Hassan, N. (2020). Hubungan Kakitangan-Pelatih dan Tingkah Laku Agresif: Satu Kajian Tinjauan di Sebuah Institusi Pemulihan Juvana. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(1), 1-12. Retrieved on: 20 September 2025
- National Alliance on Mental Illness (NAMI). (2023). *Mental Health Treatment While Incarcerated*. Retrieved from <https://www.nami.org/advocacy/policy-priorities/improving-health/mental-health-treatment-while-incarcerated/>. Retrieved on: 3 January 2025
- Oliveira, C., & Basto-Pereira, M. (2025, January). Examining Risk and Protective Factors for Suicidal Behaviors: A Cross-Sectional Study Among Portuguese Male Inmates. In *Healthcare* (Vol. 13, No. 3, p. 293). Retrieved on: 3 January 2025
- Palmen, H., Sentse, M., Van Ginneken, E. F., & Bosma, A. Q. (2022). The role of prison climate and work climate in understanding subjective safety among correctional staff. *Criminal Justice and Behavior*, 49(11), 1580-1599. Retrieved on: 10 February 2025
- Patenaude, A. L. (2004). No promises, but I'm willing to listen and tell what I hear: Conducting qualitative research with inmates. *The Prison Journal*, 84(4), 69S-91S. <https://doi.org/10.1177/0032885504269898>. Retrieved on: 5 April 2025
- Pratt, D., & Foster, E. (2020). Feeling hopeful: can hope and social support protect prisoners from suicide ideation?. *The Journal of Forensic Psychiatry & Psychology*, 31(2), 311-330. Retrieved on: 10 February 2025
- Quinn, K., & Tomczak, P. (2020). Emotional labour in the penal voluntary sector. In *Emotional labour in criminal justice and criminology* (pp. 85-100). Routledge. Retrieved on: 10 February 2025
- Rahim, A. A. A., dan Tenaga, S. K. K., Lau, N. H., Samat, A. B., & Islam, D. A. T. (2022). Isu Etika dan Moral Remaja Masa Kini. *Bil 4 Jilid 1 2022*, 4, 265. Retrieved on: 10 February 2025
- Sibuea, S. H., & Supiandi, M. I. (2023). Risiko Bunuh Diri pada Narapidana dengan Masa Hukuman ≥ 5 Tahun di Lapas Kelas IIA Palangka Raya. *Jurnal Smart Healthcare*, 2(4), 123-130. <https://journal.umpr.ac.id/index.php/jsm/article/view/5198>. Retrieved on: 27 May 2025
- Sukma, L. M., & Hastuti, D. (2022). Kesehatan Mental Narapidana di Lapas Kelas I Semarang. *Jurnal Sosioedukasi*, 3(1), 19-27. Retrieved on: 27 May 2025
- Syahidah, F., & Apriyanti, H. (2023). Faktor yang Mempengaruhi Perilaku Bunuh Diri pada Narapidana: Literature Review. *Jurnal Keperawatan Padjadjaran Nusantara*, 5(1), 32-38. Retrieved on: 27 May 2025
- Tharshini, N. K., & Ibrahim, F. (2022). Faktor Berisiko yang Menyumbang kepada Masalah Residivisme: Satu Tinjauan Sorotan Literatur (Risk Factors Contributing to Recidivism: A Literature Review). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 36(2). Retrieved on: 20 September 2025
- United Nations. (2023). *Sustainable Development Goals*. <https://sdgs.un.org/goals>. Retrieved on: 3 January 2025
- Wacquant, L. (2002). The curious eclipse of prison ethnography in the age of mass incarceration. *Ethnography* 3(4) 371-397. Retrieved on: 5 April 2025
- Yoshikawa, H., Wuermli, A. J., Britto, P. R., Dreyer, B., Leckman, J. F., Lye, S. J., ... & Stein, A. (2020). Effects of the global coronavirus disease-2019 pandemic on early childhood development: short-and long-term risks and mitigating program and policy actions. *The Journal of pediatrics*, 223, 188-193. Retrieved on: 3 April 2025

Lokmanul Hakim Hamid
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: imandd81@gmail.com / p131991@siswa.ukm.edu.my

Nasrudin Subhi (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: nas2572@ukm.edu.my

Fitriah Md. Suud
Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia
Emel: fitriahmsuud@gmail.com